

## Tinjauan Ekonomi:

# Falsafah Ekonomi Islam

Islam ialah satu agama yang mementingkan seluruh pemeluk-pemeluknya dan ia bukan satu agama yang mementingkan perseorangan.

Islam membenarkan seseorang pemeluknya itu memiliki kekayaan dari hasil titik peluhnya bekerja dan berusaha di sepanjang masa.

Islam mengakui bahawa setiap manusia itu berhak mencari rezeki di muka bumi Tuhan ini dengan segala inisiatif dan daya usahanya mengikut kepintaran masing-masing.

Islam tidak mengambil harta seseorang hartawan itu melainkan untuk kepentingan apa yang difardukan oleh Allah *Subhānahu wa Ta'ālā* sahaja.

Oleh: Alwi Haji Hasan – Kolej Islam

## Islam Membentuk Peribadi:

Kita sedia maklum bahawa Islam adalah agama yang lengkap atau *complete* di dalam segenap aspek. Sekarang cuba kita tinjau, bagaimanakah Islam menghapuskan kemelaratan penghidupan di kalangan pemeluk-pemeluknya? Islam ialah satu agama yang mementingkan seluruh pemeluk-pemeluknya dan ia bukan mementingkan perseorangan (individu). Untuk memecahkan masalah kehidupan maka Islam tidak menyekat atau mengganggu tabiat manusia yang semula jadi, Islam menunjukkan bagaimana cara memperbaiki masyarakat dan tidak boleh dengan membuat undang-undang dan rancangan-rancangan sahaja, melainkan dengan menanamkan roh dan keimanan juga rasa pergi<sup>1</sup> kemanusiaan di jiwa tiap-tiap seorang pemeluknya supaya dengan demikian segala pemikiran dan segala niat tak baik dibasmikan dan dicabut akar umbinya.

Justeru itu, Islam menggalakkan pemeluknya di dalam segala dasar yang bersesuaian dengan alam semulajadi yang menjadi konsep ekonomi

di dunia ini. Islam membasmikan pekerjaan yang salah bukan dengan cara kekerasan, tetapi Islam membentuk peribadi pemeluk-pemeluknya dengan asuhan dan pendidikan. Kecuali jika mereka melakukan pencerobohan terhadap konsep-konsepnya dengan kedurjanaan atau dengan mengikut hawa nafsu yang tamak, ini pun sekadar tersangat mustahak saja.

Cuba kita analisa sepotong

hadith:

**“A‘malu lidunyāka kaannaka ta‘isha abadā wa a‘malu liakhiratika kaannaka tamūtu ghadā.”**

Yang bermaksud: “Bekerjalah untuk kebahagiaan di dunia kamu seolah-olah kamu hidup selama-lamanya dan beramallah untuk kebahagiaan di akhirat kamu seolah-olah kamu akan mati besok hari.”

Dari hadith ini kita dapat satu kesimpulan bahawa Islam itu menggalakkan umatnya mencari kebahagiaan dengan sungguh-sungguh sama ada untuk kebahagiaan di dunianya dan akhiratnya.

Kita tahu tiap-tiap seorang manusia itu perlu mendapat kebebasan

yang sepenuhnya untuk mencari kesenangan dan kekayaan, Islam membenarkan seseorang itu memiliki kekayaan dari hasil titik peluhnya. Manusia tak mungkin sama taraf dan darjatnya kerana kejadian mereka yang semula jadi memang tidak sama. Islam hanya mengadakan peraturan atau pun sistem-sistem dan sekatan-sekatan supaya orang yang kuat tidak menganiaya terhadap yang lemah dan yang bijak tidak menzalimi terhadap yang bodoh.

## Masalah Mencari Kekayaan

Islam mengakui bahawa setiap manusia itu berhak mencari rezeki di muka bumi Tuhan ini dengan segala inisiatif dan daya usahanya mengikut kepintaran masing-masing. Tetapi cuma Islam mencegah pekerjaan yang merendahkan dan merosakkan budi pekerti, mencemarkan keimanan dengan menceroboh hak-hak masyarakat dengan tidak melalui lunas yang teratur. Di dalam Islam ada batasan terhadap yang manakah seharusnya seseorang itu mengambil dan meninggal (halal dan haram) satu-satu pekerjaan itu.

<sup>1</sup> Perkataan sebenarnya adalah peri.

Menurut undang-undang Islam arak dan mana-mana minuman yang memabukkan adalah haram meminumnya atau pun menjualnya dan menyimpannya. Berzina, bermain alat muzik dan tari menari tidak diakui sebagai pekerjaan yang harus untuk mencari rezeki, lebih-lebih lagi perbuatan makan suap (rasuah), judi, menipu, mencuri, berbohong menyembunyikan barang-barang kerana menunggu harga naik dan sebagainya juga haram di sisi Islam. Jika kita analisa secara *detail* terhadap undang-undang Islam nescaya kita akan mendapati bahawa pekerjaan-pekerjaan dan perniagaan-perniagaan itu adalah sebaik-baik pekerjaan kalau sekiranya mengikut dasar-dasar Islam yang sejati.

Mengikut dasar-dasar Islam yang sebenar, Islam adalah menghormati hak-hak Ketuanan. Dan harus tiap-tiap seorang Islam itu mencapai cita-citanya dari sumber-sumber dan lorong-lorong yang ditentukan bagi mengusahakan dan mengembangkan harta-hartanya dengan sedaya upayanya. Dan begitu juga untuk memiliki apa yang dikehendakinya, dengan itu Islam telah menentukan hak-hak dan sempadannya.

Untuk menggunakan harta ada tiga jalan:

1. Harta kekayaan boleh digunakan untuk membeli barang-barang keperluan hidup.
2. Harta kekayaan juga boleh membuka modal bagi perusahaan dan perniagaan yang besar.
3. Harta-harta kekayaan boleh juga dimiliki sebanyak-banyaknya.”

Inilah had ataupun sempadan-sempadan yang yang<sup>2</sup> ditentukan oleh Islam untuk digunakan bagi membesarkan modal dari harta seseorang itu.

#### **Segala Perbelanjaan Yang Ditegah**

Apa sahaja bentuk perbelanjaan yang merosakkan akhlak dan budi pekerti masyarakat ditegah oleh Islam. Agama ini menegah pemeluk-pemeluknya berjudi, minum arak, berzina, juga ditegah segala perbelanjaan untuk digunakan di jalan maksiat dan tidak memberi manfaat. *“Inna al-mubadhdhirīna kānū ikhwāna al-shayāfīn”*. Ertinya “Sesungguhnya orang-orang yang membazir itu saudara syaitan.”

Islam membenarkan pemeluknya menggunakan harta kekayaannya untuk perbelanjaan hidupnya dengan sempurna dan yang lebih dari yang diperlukan oleh pemiliknya hendaklah digunakan bagi membangun penghidupan masyarakat dan menolong terhadap orang-orang yang menganggur *“Wa allaadhīna fī amwālihim haqqu ma‘lūmu līlsā’ili wa al-mahrūmi”* Ertinya: “Dan orang-orang yang di dalam hartanya untuk orang-orang yang meminta dan miskin.” Islam memandang mereka dengan pandangan yang mulia, juga memuliakan masyarakat yang rajin mencari harta dan membelanjakan terhadap kebaikan masyarakat. Islam mengeji mereka-mereka yang membanyakkan harta tanpa pengorbanan membangunkan masyarakatnya.

Walaupun demikian nafsu tamak itu tidak dapat dihapuskan sama sekali. Islam dengan tegas mencegah beberapa pekerjaan, ia mengharamkan rasuah, wang bunga, kalau seseorang pemeluknya memberi pinjam wang kepada saudaranya

maka tak dapatlah ia mengambil wang lebih dari apa yang ia telah berikan itu, seperti firman Tuhan *“Lā ta’kulū al-ribā aḍ’āfā mudā’afata”* yang bermaksudnya: “Janganlah memakan riba dengan berganda-ganda.” Dengan itu Islam dapat mematahkan unsur-unsur kapitalisme. Kalau seorang itu memberi modal kepada saudaranya untuk diperluaskan lagi modalnya sama ada dengan cara perniagaan dan sebagainya Islam tidak menegah seperti ini, cuma Islam menegahkan terhadap monopoli atau pun perlonggokan harta seseorang sahaja.

Islam tidak mengambil harta-harta Seseorang hartawan itu melainkan untuk kepentingan apa yang difardukan oleh Allah *Subḥānahu wa Ta’ālā* sahaja, seperti zakat fitrah, zakat harta dan perbelanjaan yang tertanggung ke atasnya seperti terhadap isteri dan kerabat-kerabatnya; juga perbelanjaan bagi pemerintahan, menyebarkan agama Islam dan lain-lain lagi yang bersangkutan dengan kepentingan agama Islam seluruhnya.

Di negara-negara kapitalis seseorang itu terpaksa mengumpul kekayaan dengan mendirikan insuran-insuran nyawa kerana di dalam masyarakat kapitalis seseorang itu bergantung kepada kekayaannya untk menyara hidup di masa tuanya supaya terhindar dari kebuluran dan kemelaratan yang ia akan hadapi. Di negara kapitalis juga buruh terpaksa menjadi abdi kepada majikan-majikannya oleh kerana takut kebuluran yang akan menimpa mereka, ini kita dapati berjuta-juta manusia kelaparan dan barang-barang terpaksa

<sup>2</sup> Pengulangan perkataan yang.

## Falsafah Ekonomi Islam

dicurahkan sahaja kerana tidak dapat dijual dengan nilai yang lumayan.

Di dalam masyarakat ini tidak ada usaha yang dapat menolong meringankan penderitaan fakir miskin (kalau ada pun begitu terbatas sekali) sekiranya orang-orang ini mempunyai wang sudah tentu mereka dapat membeli barang-barang tadi dengan harga yang berpatutan.


Islam menghapuskan kebuluran ini dengan mengadakan sistem zakat dan juga Baitulmal. Kerana apabila kita sudah meninggal dunia kita tak usah bimbang, Baitulmal sudah tentu dapat menampung penghidupan anak isteri kita. Kita tidak bersusah payah lagi memasuki insurans nyawa dan bank. Baitulmal sahajalah

dapat menjamin hidup kita di masa tua. Dan dengan adanya Baitulmal, orang Islam tak akan bankrupt.

Inilah peraturan ekonomi Islam yang dapat menghapuskan segala bentuk kejahatan dan penipuan yang timbul dari harta kekayaan yang terkumpul di tangan seseorang itu. Kita tahu bahawa peraturan ekonomi kominis, sosialis, dan kapitalis tak dapat membanteraskan keburukan-keburukan yang terjadi dari ketidakperimbangan ekonomi itu, malah sistem itu boleh menerbitkan keburukan-keburukan pula terhadap masyarakat.

Islam memanglah mengutamakan roh dan jiwa keislaman. Sedang roh ini berpunca dari keimanan terhadap Allah *Subhānahu wa Ta'ālā*,

jadi tiap-tiap seseorang di dalam masyarakat itu mestilah bertanggungjawab terhadap apa yang ia buat itu, dan menganggap bahawa setiap perbuatan yang dikerjakan di dunia ini akan dibicarakan di akhirat nanti dan diperlihatkan kepada orang yang mengerjakannya seperti firman tuhan "*Faman ya'mal mithqāla dharrati khayrā yarah wa man ya'mal mithqāla dharrati sharrā yarah*" Maksudnya: "Barang siapa yang mengerjakan seberat zarah kebaikan nescaya Ia akan melihatnya, dan barang siapa yang mengerjakan seberat zarah kejahatan nescaya Ia akan melihatnya." Dengan demikian baharulah orang-orang Islam dapat melaksanakan peraturan-peraturan ekonomi secara Islam itu jika tidak, itu adalah sia-sia sahaja.



Dengan semangat dan keimanan yang teguh pembesar-pembesar negara dan para wakil diplomat asing di Kuala Lumpur bersama-sama dengan 15,000 kaum Muslimin sedang berjalan dengan gagah dalam perarakan "Mawlid al-Nabi" pada

8 Jun 1968 yang lalu.